

Kemudi martabat negara

BH - 20/1/2023 m/s: 2

Menteri, warga perkhidmatan awam perlu terap rukun MADANI dalam urusan pentadbiran

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim memperkenalkan 'Malaysia MADANI' sebagai langkah mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.

MADANI itu menurut Perdana Menteri, diacu berteraskan enam rukun iaitu keMampanan, keseJAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan.

Berucap menyampaikan amanat 'Membangun Malaysia MADANI' di sini, semalam, beliau menyeru semua pihak khususnya barisan Jemaah Menteri dan warga perkhidmatan awam supaya menerapkan MADANI dalam urusan pentadbiran.

"Saya menaruh keyakinan tinggi Malaysia berupaya diangkat semula di persada (dunia)... kita tidak mahu Malaysia tercemar dengan skandal permasalahan dan pertelingkahan.

"Kita mahu Malaysia ini dikenali sebagai Negara Madani yang mampu diangkat martabat negaranya untuk harus dikenali dan dihormati sebagai negara makmur, tunjuk kekuatan itu.

"Negara adil dan menolak sebarang sebarang kezaliman terhadap individu atau kaum. Kita mahu negara ini dikenali dengan semangat baharu dan rakyat yang faham dengan erti kemerdekaan," katanya.

Turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta menteri-menteri Kabinet.

Anwar berkata Madani, istilah yang sudah lama disebut oleh pemikir, mengajak seluruh rakyat Malaysia, termasuk kepimpinan Kerajaan Perpaduan untuk mengangkat martabat insan berpaksikan keyakinan, nilai dan akhlak serta tata kelola adil dan berkesan.

MADANI tidak sama sekali akan mengetepikan tonggak mendirikan sistem atau menegakkan sistem yang lebih mampan kepada sebuah negara.


Sehubungan itu, menurut Perdana Menteri, langkah yang akan

JAMADILAKHIR 1444H (KHAMIS)
NT, ABANGSA PUTRAJAYA



Anwar diiringi Ahmad Zahid dan Fadillah (tiga dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian amanat Membangun Malaysia MADANI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Kerangka Dasar MADANI



diumumkan menerusi Belanjaan 2023 di Dewan Rakyat pada 24 Februari ini bakal mengembalikannya asas seperti mempercepat kelulusan dan menghentikan kaedah mendapat komisen yang bukan hak.

Tambah keyakinan

"Ini semua boleh menambah keyakinan dengan menegakkan sistem atau negara hukum yang tidak akan memilih bulu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dan tidak juga menindas

atau menekan individu atau puak yang tidak mendukung kita.

"Ini yang disebut sebagai jentera kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar, berfungsi secara optimum dan kita selesaikan isu tata kelola dengan penyelarasan dan koordinasi, tapi harus bermula dengan pengurusan atasan," katanya.

Dalam aspek memacu pertumbuhan negara ini, Anwar menegaskan supaya aspek kemanusiaan

sentiasa diambil kira kerana ia antara elemen penting dalam membangunkan negara.

"Peduli tentang gedung pasaran baharu, tetapi tidak peduli kedudukan taraf gerai rakyat yang miskin... ini contoh elemen 'karamah insaniah' yang diremehkan dalam tata kelola kepemimpinan.

"Sebab itu pimpinan baik Persekutuan, negeri dan daerah, penjawat awam dari peringkat tertinggi dan rendah dalam membincangkan soal pascapertumbuhan atau pasca COVID, manfaatkan pengalaman untuk belajar daripada kelemahan lalu dan bertindak sesuai tuntutan baharu," katanya.

Tinggalkan perkara lampau

Anwar berkata, seluruh kepimpinan dalam Kerajaan Perpaduan juga perlu meletakkan asas dan budaya baharu dan meninggalkan perkara lampau yang memberi kesan buruk kepada negara.

"Buka pintu hati kita, selamatlah negara kita, negara kita ini pernah menunjukkan potensi yang baik dan pernah tercorot.

"Maka berilah kesempatan untuk anak kita, generasi penerus supaya harapan ini boleh dibina dengan kekuatan yang dimulai sekarang," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan permasalahan semasa negara dengan kadar pengangguran walaupun umumnya sedikit menurun, ia membabitkan masalah belia dan wanita.

Beliau berkata, apabila menyebut mengenai kadar inflasi empat peratus, tetapi inflasi makanan pada kadar tujuh peratus, namun pengangguran belia dan wanita jauh lebih tinggi.

Meminjam kata-kata Albert Einstein, beliau berkata, apabila bercakap mengenai kadar kemiskinan tegar yang menurun, seseorang dalam kategori miskin tegar, tidak akan terpukau dengan angka, sebaliknya bergelut dengan permasalahan hidup.